

Undang-undang Dasar Hidup Muslim

Dalam hidup bermasyarakat Islam menuntut penganut-penganutnya supaya memiliki peribadi berdasarkan keislaman yang berdisiplin. Dalam menghadapi krisis hidup di dunia ini, orang-orang Islam haruslah berani dan tegas serta jujur dalam menyatakan sikapnya, berani mengkritik sebarang perbuatan yang menyalahi hukum-hukum Islam dan sanggup pula membetulkannya. Islam tidak mahu penganut-penganutnya sentiasa mengalah dan menerima sahaja apa yang ditimbulkan, biarpun bersalahan dengan sifat-sifat kemanusiaan.

Susunan: Muhammad Kamil Haji

Manusia dan undang-undang:

Dalam menjalani hidupnya, tiap-tiap seorang manusia mestilah mempunyai undang-undang yang tertentu. Tanpa pendirian yang utuh, kehidupannya akan terumbang-ambing dalam arus kesesatan buat sepanjang hayatnya. Sebagai sebuah konsep yang menjamin kebahagiaan di bumi dan keredaan dari langit kepada penganut-penganutnya yang setia, Islam sentiasa perlu diketengahkan. Kalau tidak, peribadi Muslim menjadi kacau dan jahanam.

Dasar pokok bagi undang-undang hidup Muslim, menaruh keyakinan sepenuhnya, mempercayai keesaan Allah Ta'ālā. Keesaan mencipta, keesaan zat dan keesaan ibadah. Dengan erti, bahawasa Allah Ta'ālā sahajalah yang mencipta alam dan mentadbirkan perjalanannya tanpa memerlukan sebarang bantuan, tidak ada makhluk yang menyerupai-Nya, Dialah tempat yang mutlak disujud sembah dan tempat meminta segala pertolongan. Sebagaimana terkandung dalam firman-Nya: "*Qul huwa Allāhu aḥad. Allāhu al-ṣamad. Lam yulid walam yūlad. Walam yakun lahu kufiwan aḥad.*" Ertinya: "Katakanlah, Dia

Allah yang Maha Esa. Allah tempat memohon perlindungan. Tiada beranak Dia dan tiada Dia diperanakkan. Dan tiada bagi-Nya imbalan sesuatu jua pun."

Manusia dan kejadian alam:

Untuk lebih meyakinkan lagi, Islam menyerupai-penganutnya memelihara kejadian alam serta keindahannya. Bumi terhampar lebar dengan tumbuh-tumbuhannya yang menghiujau dan galian-galian di perutnya yang menjadi bahan kehidupan seluruh manusia, langit dengan cakerawalanya yang bergayut berlari-lari di atas landasan-landasan tetap, bukit-bukau, gunung-ganang, padang saujana, laut dengan deburan ombaknya dan seribu satu macam seni keindahan alam.

Manusia dan dirinya:

Lebih dikagumi lagi apabila ditilik kepada diri manusia sendiri dengan urat geramat yang begitu banyak, tulang-temalang yang kukuh, darah berkejar-kejaran dan daging pejal membaluti tulang, serta kulit halus menyaluti tubuh dengan lubang-lubang romanya. Masing-masing dengan tugasnya sendiri-sendiri, berhubungan rapat antara satu sama lain, cedera salah satu daripada anggotanya, lumpuhlah

kehidupan seseorang manusia itu.

Bila dikaji dengan penuh teliti, lantas kita mengakui bahawa Pencipta alam semesta ini sudah tentu Satu Kuasa yang penuh kebijaksanaan-Nya, mempunyai kemahiran yang tidak terbatas dan kekuasaan yang melebihi dari apa yang difikir oleh akal manusia serta memiliki setiap sifat-sifat kesempurnaan lainnya seperti pendengaran, penglihatan, kemahuan dan sebagainya.

Manusia dan perkara ghaib:

Kemudian manusia dituntut pula supaya mempercayai perkara-perkara ghaib. Ini sebagai menunjukkan bahawa alam ini bukanlah semata-mata bersifat kebendaan sahaja, tetapi mengandungi benda-benda lahir dan ghaib. Mempercayai benda-benda ghaib menambahkan keajaiban ciptaan Tuhan. Andainya kepercayaan kepada-Nya belum diyakini sepenuhnya, bererti seseorang Muslim itu tidak dapat diletakkan ke taraf "Mukmin sejati" (*al-Mu'min al-kāmil*).

Manusia dan kepercayaan:

Setelah itu diserunya pula mempercayakan kitab-kitab Allah yang diturunkan

Undang-undang Dasar Hidup...

dari langit. Kitab-kitab ini merupakan undang-undang diturunkan kepada manusia supaya dijadikan panduan hidup. Di dalamnya terkandung ajaran-ajaran mengenai cara-cara perhubungan manusia dengan Tuhan dan perhubungan antara sesama manusia dalam hidup bermasyarakat.

Mempercayakan rasul-rasul adalah satu daripada perkara-perkara yang dimestikan. Rasul-rasul yang membawa utusan Tuhan mengajar dan menunjuk manusia supaya menyerahkan diri mereka dengan sukarelanya kepada Ilahi, tidak mempersyarikatkan-Nya dengan sesuatu jua pun. Rasul-rasul juga membawa dasar kesatuan kemanusiaan walaupun berlainan bangsa, bahasa, kebudayaan, negara dan warna kulit. Kesemuanya di bawah bumbung “hamba Allah Ta’ālā.”

Menaruh kepercayaan kepada hari akhirat juga umbi kepercayaan Islam, di mana manusia akan dibangkitkan semula selepas mati. Kepercayaan ini, dapat memupuk keteguhan hati manusia supaya bersabar menghadapi pergeseran hidup di dunia antara buruk dan baik. Kadangkala dijumpai orang yang melakukan kebaikan mendapat balasan yang tidak setimpal, sebaliknya orang yang sentiasa berlumuran dengan dosa kejahatan mendapat sanjungan umum. Di hari itu kelak masing-masing akan menerima ganjaran yang sewajarnya dengan perbuatan mereka. Mempercayai Hari Akhirat makin menebalkan hati seseorang dengan keimanan dan juga mengarahkannya supaya menyelidiki rahsia kejadian alam yang tersembunyi di sebalik benda-benda lahir.

Kemudian manusia dituntut pula agar mempercayai segala sesuatu yang berlaku di alam dunia ini, semuanya tiada lepas daripada ketentuan Allah. Apa yang dikehendakinya tetap akan berlaku. Firman Tuhan “*Inna Allāha bālighu amrihi qad ja’ala Allāhu li kulli shay’in qadrā*” maksudnya: “Bahawa Allah itu yang menyempurnakan kerajaan-Nya dan Dia telah menjadikan tiap-tiap benda itu ketentuan.” Kepercayaan ini akan membuatkan ketenangan hati dan selalunya ingatkan Allah Ta’ālā.

Ringkasnya, kepercayaan kepada apa yang disebutkan di atas tadi merupakan umbi tempat bertapaknya dasar hidup Muslim. Dari kepercayaan kepada perkara-perkara itulah menimbulkan kesatuan ketuhanan, persamaan kemanusiaan yang membawa kebahagiaan hidup di dunia dan keselamatan sesudah mati.

Sesudah faham ketuhanan begitu mendalam tertanam di lubuk hati, Islam memfardukan penganut-penganutnya mengerjakan ibadah-ibadah kepada Allah Ta’ālā dengan tujuan sentiasa menghubungkan manusia dengan Tuhan, manusia sesama manusia dan meneguhkan pertalian iman dan amal soleh.

Sembahyang:

Difardukan sembahyang lima waktu sehari semalam untuk menyedarkan manusia, selalunya dalam keadaan mengingati akan Allah Ta’ālā. Dengan ingatan yang berkekalan sentiasa terhadapnya, manusia akan merasai setiap tingkah lakunya ditonton oleh Allah Ta’ālā, yang mana mendatangkan perasaan malu dan takut untuk berbuat kejahatan – sekiranya sembahyang itu dikerjakan dengan penuh khusyuk dan ikhlas –

dari sini jelaslah sembahyang menegah manusia daripada melakukan keburukan. Firman Tuhan “*Inna al-ṣalāta tanhā ‘ani al-fahshā’i wa al-munkar*” ertinya “Sesungguhnya sembahyang itu adalah mencegah daripada perkara-perkara yang keji dan yang dibenci.”

Sembahyang dengan penuh kekhusyukan itu, juga dapat memberikan hiburan kepada orang yang sentiasa dilambung duka nestapa yang mana sudah menjadi tabiat semula jadi manusia lagi bersifat gelisah. Hanya dengan sembahyang seseorang itu akan mencapai ketenangan dan keteguhan hati, tidak takut menghadapi sebarang malapetaka yang menimpai ke atas dirinya. Firman Tuhan “*Inna al-insāna khuliqa halū’ā, idhā massahu al-sharru jazū’ū, wa idhā massahu al-khayru manū’an illā al-muṣallīn.*” Maksudnya: “Sesungguhnya manusia itu diciptakan bersifat gelisah. Apabila bahaya menyinggungnya, dia berkeluh-kesah dan apabila mendapat kebaikan (kekayaan) amatlah kikirnya, melainkan orang-orang yang bersembahyang.”

Lebih dari itu diserunya pula sembahyang secara berjemaah di masjid-masjid dan di surau-sarau dengan janji pahala yang banyak. Sabda Nabi “*Ṣalātu al-jamā’ati afdalu min ṣalāta al-fadhhi bi sab’in wa ishrīna darajah*” ertinya “Sembahyang berjemaah itu lebih baik sebanyak 27 darjat daripada sembahyang sendirian.” Ini adalah suatu cara untuk mengeratkan hubungan kemasyarakatan yang boleh membasmikan kelas-kelas dalam masyarakat. Sesudah sembahyang masing-masing dapat mengeluarkan buah fikiran dalam memperbincangkan hal-hal keagamaan, kenegaraan, kemasyarakatan, pekerjaan dan lain-lainnya.

Undang-undang dasar hidup...

Puasa:

Ibadah puasa mengajar agar sentiasa hidup di atas undang-undang. Puasa melatih diri seseorang daripada mengikut hawa nafsu yang menjadi punca kejahatan dalam diri manusia. Dengan pupusnya nyalaan nafsu menjadikan hidup tenang, tidak suka bersengketa. Tegasnya puasa dapat mengeratkan hubungan antara warga masyarakat. Di samping itu puasa juga dapat memberikan kecerdasan berfikir. Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pernah bersabda yang bermaksud “Siapa yang lapar perutnya, besarlah akal fikirannya.” Kerana itulah pernah dikatakan ahli-ahli falsafah Aflāṭūn dan Suqrāt selalu berpuasa pada tiap-tiap awal bulan.

Mengikut penyelidikan yang dibuat oleh sarjana-sarjana perubatan bahawa puasa dapat menyembuhkan penyakit-penyakit kencing manis, batuk kering, sakit perut, tekanan darah tinggi, terbakar buah pinggang dan jantung dan lain-lain lagi. Ini bersesuaian dengan sabda Nabi “*Ṣūmū taṣīḥū*” yang bererti “Berpuasalah kamu nescaya kamu beroleh kesihatan.”

Zakat:

Zakat pula adalah satu ibadah yang menghubungkan antara sesama warga masyarakat. Dengan pengeluaran zakat ini dapat menyegerakan ke arah kesejajaran hidup dan kestabilan ekonomi dalam masyarakat. Selain dari itu dia juga dapat mengikis sifat-sifat bakhil daripada bermulut di hati manusia.”

Haji:

Kemudian penganut Islam diwajibkan menunai fardu haji jika ada kekuasaan. Ibadah ini adalah mengukur sejauh mana ketabahan hati seseorang dalam mencari keredaan Tuhan. Di dalamnya terkandung pengertian persatuan Islam dan pengertian kesatuan kemanusiaan dengan ini menghapuskan pendewaan terhadap sesuatu bangsa. Di samping itu ibadah haji juga melepaskan seseorang daripada kongkongan perasaan ‘katak di bawah tempurung’. Perhatikan kesan-kesan sejarah Islam di Makkah al-Mukarramah dan di Madīnah al-Munawwarah menambahkan kentalnya lagi kecintaan terhadap Allah dan rasul-Nya.

Bersifat berani:

Dalam hidup bermasyarakat Islam menuntut pula, penganut-penganutnya supaya memiliki peribadi berdasar keislaman yang berdisiplin. Dalam menghadapi krisis hidup di dunia ini, mereka haruslah berani dan tegas serta jujur dalam menyatakan sikapnya, berani mengkritik sebarang perbuatan yang menyalahi hukum-hukum Islam dan sanggup pula membetulinya. Islam tidak mahu penganutnya sentiasa mengalah dan menerima saja apa yang ditimbulkan biarpun bersalahan dengan sifat-sifat kemanusiaan. Tegasnya pula dalam menerima pengaruh-pengaruh asing yang positif untuk dimasukkan ke dalam kebudayaan Islam tanpa meninggalkan kebaikan yang ada pada kita sendiri. Cara-cara beginilah pernah dibuat oleh pemimpin-pemimpin Islam di zaman silam, menerima serta menilai, kemudian diolah (olah) kebudayaan Yunani untuk disesuaikan dengan kehendak-kehendak Islam.

Bersifat sabar:

Di samping berani dan tegas seseorang Muslim dikehendaki menyimpan sifat sabar dalam dirinya sebagai tenaga penahan. Sabar dalam melakukan sesuatu dan untuk bertindak. Kerana dengannya dapat diperbuat pertimbangan secara logik antara baik dan buruk. Tanpa kesabaran segala-galanya akan menemui kehancuran.

Menjaga kehormatan diri:

Dasar undang-undang hidup Muslim memerlukan penjagaan kehormatan diri, keluarga, keturunan dan harta. Dalam menjaga kehormatan diri, kesihatan diri, kesihatan tubuh badan merupakan kunci supaya tidak merenggangkan perhubungan sesama manusia. Tubuh badan yang segar-bugar dikehendak benar-benar guna dapat menjalankan segala perintah Tuhan. Islam tidak melarang penganut-penganutnya mencari hiburan bagi menyegarkan jiwa asalkan hiburan yang tidak membawa kelalaian terhadap Allah Ta‘ālā. Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pernah mensifatkan “*Al-naḥāfatu mina al-īmān*” maksudnya “kebersihan itu setengah daripada iman.”

Menjaga kesihatan jasmani:

Bagi menjaga kesihatan jasmani makanan perlulah diselaraskan dengan kehendak tubuh badan masing-masing. Islam melarang keras memakan makanan dengan berlebih-lebihan. Firman Tuhan “*Wa kulū wa ishrabū wa lā tusrifū innahu lā yuḥibbu al-musrifīn*” bererti “Dan makanlah olehmu dan minumlah olehmu, dan jangan kamu melampau had sesungguhnya Ia (Allah) tidak sukakan mereka yang melampau had.”

Undang-undang dasar hidup...

Melampaui batasan dalam makanan adalah membebaskan alat-alat penerimaan dalam perut, dan menyebabkan seseorang itu menjadi gemuk yang melebihi timbangan tabii bagi tubuh badannya. Dr. Muhammad Zaki pernah menyatakan “Setengah daripada bahaya-bahaya gemuk ialah membuka jalan penyakit-penyakit tali perut, penyakit yang teruk. Dan membawa kepada pembedahan. Begitu juga ia membawa kepada terbakar pundi-pundi hempedu, terbakar sendi-sendi dan rosak anggota-anggota jantung. Penyakit hingus berpanjangan dan penyakit dada yang teruk (Agina Pectoris). Perkara utama sekali dilakukan untuk menjauhi penyakit gemuk itu ialah dengan mengurangkan makanan.”

Makanan yang membahayakan:

Kesihatan juga sering terganggu akibat memakan makanan-makanan yang membahayakan seperti bangkai, darah dan daging babi. Lantaran itulah Islam melarang keras memakan makanan-makanan itu. Firman Tuhan “*Hurrimat ‘alaykumu al-maytatu wa al-damu wa lahamu al-khinzīr*” maksudnya “Telah diharamkan bangkai, dan darah, dan daging babi di atas kamu.” Sebab di dalam bangkai itu mengandungi beratus ribu kuman penyakit. Adapun analisa darah telah menunjukkan kuman-kuman penyakit yang ada di dalamnya boleh menyebabkan rosaknya kulit-kulit tali perut yang boleh menimbulkan berbagai-bagai penyakit. Sementara daging babi pula membawa sejenis cacing panjang yang dinamakan “*Taenia solium*” cacing ini akan hidup di dalam tali-tali perut manusia yang halus. Dia merampas

makanan manusia dan mengeluarkan racun berbisa. Panjangnya lebih dari 27 kaki. Kemudian cacing itu akan bertelur dengan banyaknya. Demikian pendapat pakar-pakar kedokteran.

Minuman keras:

Begitu juga dengan minuman-minuman keras seperti arak. Para doktor telah sepakat mengatakan kemerbahayaan amatlah besar sekali. Kesan-kesan arak dapat mematikan sel-sel jantung yang mana tidak berfaedah lagi kepada tubuh badan yang boleh membunuh si peminum itu. Minuman arak juga menjadikan urat-urat saraf kaku yang menimbulkan penyakit jantung, sakit buah pinggang, hilang selera makan, merosakkan *ma’dah*¹ dan sebagainya. Islam dengan tegasnya melarang minuman itu.

Menjagai akal:

Akal fikiran mestilah dijagakan supaya sentiasa waras. Kenapa begitu sekali Islam menyuruh penganutnya menjaga akal, kerana agama adalah timbulnya dari akal. Makin bertambahnya akal bertambah tinggi pulalah martabat Islamnya. Nabi Muhammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda “*Al-dīnu huwa al-‘aql, lā dīnu li man lā ‘aqla lah*” ertinya “Agama itu ialah akal dan tidak ada agama pada orang yang tidak berakal.” Agama yang tidak dicari dengan akal bukanlah agama murni. Akal dapat menyelami rahsia kejadian alam. Firman Allah “*Inna ft khalqi al-samāwāti wa al-arḍi wa ikhtilāfi al-layli wa al-nahāri la’ayātīn li ulī al-albāb*” maksudnya “Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan

pergiliran malam dan siang adalah menjadi tanda bagi orang yang mempunyai intisari akal.”

Untuk menjaga kewarasan akal mestilah menjauhi daripada makanan, minuman dan pekerjaan yang boleh membawa kepada ketidakwarasan seperti arak yang menyebabkan akalnya akan lemah sehingga boleh jadi gila ataupun lumpuh. Judi juga seringkali membawa kepada keburukan kepada akal, membuat seseorang itu hilang pertimbangan. Akibatnya, berlakulah keruntuhan rumah tangga, malas bekerja, menimbulkan hasad dengki dan dendam kepada kawannya, keluh-kesah dan payah tidur, hilang lesap harta pertaruhan, anak-anaknya tidak diberi pelajaran dan lain-lain lagi perkara-perkara yang merosakkan budi pekerti.

Menjaga kesihatan rohani:

Di samping kesihatan jasmani, kesihatan rohani perlulah dijaga sama. Penjagaannya dengan memupuk sifat-sifat berperikemanusiaan, bertolong-tolongan, “*Wa ta’āwanū ‘alā al-birri wa al-taqwā wa lā ta’ānū² ‘alā al-ithmi wa al-‘udwān*” bermaksud “Hendaklah kamu tolong-menolong dalam mengerjakan pekerjaan-pekerjaan baik dan memelihara diri (dari kejahatan) dan janganlah bantu-membantu dalam mengerjakan dosa dan pelanggaran hukum (permusuhan).” Berperasaan kasihan belas “*Man lā yarḥam lā yurḥam*” ertinya “Orang yang tidak ada sifat kasihan belas tidak harus dikasihi.” Dan sifat-sifat harmoni lainnya. Pemupukan sifat-sifat ini sahaja tidak mencukupi tanpa

¹ Merujuk kepada lambung perut.

² Perkataan sebenar ialah *ta’āwanū*.

Undang-undang dasar hidup...

meninggalkan dan melempar jauh sifat-sifat keji, tamak haloba, hasad dengki dan sebagainya. Kalaulah ini benar-benar dilakukan sihatlah rohani seseorang maka turut sihat pula jasmaninya dan bererti mencapai nikmat kesihatan diri yang amat bernilai.

Perkahwinan:

Islam sebagai agama fitrah, bersesuaian dengan tabiat semula jadi manusia, membuka peluang kepada manusia untuk menurunkan zuriatnya dengan jalan perkahwinan. Islam mendirikan peraturan kekeluargaan dengan baiknya. Tanpa peraturan ini akan lahir dalam masyarakat anak-anak yang tidak ada orang yang bertanggungjawab ke atasnya, yang menyebabkan anak-anak itu akan menjadi kuman-kuman yang merobek keamanan dan kemakmuran masyarakat lantaran tidak mempunyai pelajaran yang cukup.

Islam dan kebendaan:

Ramai sekali penulis-penulis Barat dengan menaburkan kuman kepada umat Islam supaya menganggap Islam adalah membenci harta, Islam hanya agama akhirat semata-mata. Apa yang sebenarnya Islam tetap mengakui harta sebagai nadi kehidupan manusia. Sebab itulah Islam meletakkan harta setaraf dengan jiwa manusia sendiri. Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* pernah menyebut yang bermaksud: “Bahawa seseorang yang mati dalam mempertahankan harta dari pencerobohan orang lain adalah dikira mati syahid.” Ini menunjukkan betapa besarnya pandangan Islam terhadap harta benda.

Walaupun demikian bukanlah bererti Islam mahukan penganut-penganutnya mengumpul harta kekayaan berlonggok-longgok untuk dimuatkan ke dalam khazanah simpanan, kerana perbuatan semacam ini dkecam hebat oleh Allah dalam firman-Nya “*Yawma yuhmā ‘alayhā fī nāri jahannama fa tukwā bihā jibāhuhum wa junūbuhum wa zuhūruhūm hādhdhā mā kanaztum li anfusikum fa dhūkū mā kuntum taknizūn*” ertinya “Di hari itu semuanya dipanaskan dalam Neraka Jahannam lalu dibakar dengan itu dahi, rusuk dan punggung mereka, (dikatakan:) Inilah yang kamu simpan untuk dirimu – dulu – sebab itu tanggungkanlah apa yang kamu simpan itu.” Dan tidaklah pula Islam menyuruh diperbelanjakan harta itu dengan membazir. Firman Tuhan: “*Inna al-mubadhdhirīna kānū ikhwāna al-shayāṭīn, wa kāna al-shayṭānu li rabbihī kafūrā*”. Maksudnya “Bahawa orang yang membazir itu adalah saudara-saudara syaitan dan syaitan itu adalah sangat ingkar terhadap Tuhan.”

Islam mengarahkan supaya harta-harta itu dibelanjakan kepada orang yang berhak menerima untuk dapat sama dinikmatinya. Firman Allah: “*Liyunfiq dhū sa‘atin min sa‘atīhi wa man qudira ‘alayhi rizquhū falyunfiq minnā ādāhu Allāhu lā yukallifū Allāhu nafsan illā mā ātāhā*. Ertinya “Hendaklah orang yang mempunyai keluasan itu membelanjakan menafkahkan dari keluasannya dan siapa yang telah ditentukan atas rezekinya maka hendaklah dia membelanjakannya daripada apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepadanya. Allah tidak memberati diri seseorang kecuali setakat yang terdaya olehnya.”

Itulah serba ringkas dibentangkan dasar-dasar undang-undang hidup Muslim dalam menjalani hidupnya sejak dari

sampai umurnya hinggalah dia menemui ajal menghadap Tuhan bagi meletakkannya ke taraf seorang Mukmin sejati. *Wa billāhi al-tawfīq.*

Kata-kata Hikmah

Kalau engkau merasa hendak membuat aniaya kepada hamba Allah ingatlah pula bahawa Allah lebih berkuasa membalasnya kepadamu. – Saiyidina ‘Umar.

* * *

Keberanian dan semangat itu adalah senjata yang maha besar. Tetapi senjata itu baharulah dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya, bila kebijaksanaan selalu memimpinnya. – Kemal Ataturk.

* * *

Kedengkian itu melemahkan keyakinan, menggadangkan mata dan membanyakkan dukacita. – Sulaymān al-Taymī.

* * *

Kegelinciran seseorang alim itu seperti pecahnya sebuah kapal, ia tenggelam dan karam bersama-sama orang ramai. – Ibn al-Mu‘taz.

* * *

Melihat kesalahan orang lain tak ubahnya seperti melemparkan batu ke dalam lurah. Mengakui kesalahan kita sendiri seperti mengalikan air ke tempat yang tinggi. – Mokhtar Latif

* * *

Kekeruhan di dalam bersatu itu lebih baik daripada hening di dalam berpecah. – ‘Alī bin Abī Ṭālib

* * *

Kita mesti tahu apa yang kita katakan, tetapi tidak mesti kita katakan segala apa yang kita tahu. – Muhammad Taib.